

Harga tiket bot angin turun 50%

Bagi menghargai pengunjung di Taman Bandar, Indera Mahkota, di sini, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), menurunkan harga tiket 50 peratus kepada pengunjung yang ingin menaiki bot angin di taman berkenaan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, berkuat kuasa 1 Februari lalu, tiket dewasa berharga RM4 manakala kanak-kanak

RM2 berbanding harga lama RM8.50 dan RM4.25.

Katanya, penetapan harga baru itu selepas menerima maklum balas daripada pengunjung yang memohon harga tiket diturunkan.

“Dengan kadar baru ini kami harap pengangkutan bot air ini dapat menarik lebih ramai pengunjung khususnya warga Kuantan untuk menyusuri tasik Taman Bandar,” katanya, di sini, semalam.

BOT angin milik MPK yang beroperasi di Tasik Taman Bandar, Indera Mahkota.



HARIAN MEIRO 15/2/2017